



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

10 Jamadilawal 1443 / 15 Disember 2021

1. Pada hari ini, Rabu 10 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 15 Disember 2021, Negara Brunei Darussalam mula melangkah masuk ke Fasa Endemik dalam usaha pemulihan negara dari kesan pandemik COVID-19. Dengan bermulanya fasa ini, gangguan yang minima kepada aktiviti harian masyarakat adalah diharapkan dan keadaan akan pulih secara beransur-ansur. Dengan permulaan fasa baru ini juga, format laporan situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam akan berubah dan lebih memfokus kepada indikator-indikator epidemiologi dan semasa yang lebih menjurus kepada perlindungan masyarakat secara keseluruhannya.
2. Pada hari pertama Fasa Endemik ini, sebanyak **9 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,372 orang**.

- Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **3,781 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.2%**.
3. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes adalah dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **satu kes adalah dalam Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan dan dirawat di Unit Rawatan Intensif).
    - Sementara itu, tidak ada kematian yang dikaitkan dengan COVID-19 telah dicatatkan dalam masa 24 jam yang lalu.
  4. **19 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,046 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **226 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **5.2%**.
  5. Sehingga kelmarin, 14 Disember 2021, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
    - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.2%**;

- Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **90.5%**; manakala
  - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **3.9%**.
6. Seterusnya, berikutan makluman Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Sidang Media kelmarin mengenai pembukaan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak, Jawatankuasa Pandu COVID-19 akan melaksanakan satu kajiselidik secara *online* untuk mendapatkan maklumbalas dari orang ramai, khususnya ibubapa dan penjaga kanak-kanak mengenai pembukaan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak. Kajiselidik ini akan mula dibukakan pada jam 8 malam ini sehingga tengah malam hari Ahad, 19 Disember 2021 melalui pautan seperti yang tertera pada skrin sekarang.

(on screen: <https://bit.ly/3q27AfL>)

Kerjasama daripada orang ramai untuk menyertai kajiselidik adalah sangat diharapkan kerana maklumat yang diperolehi dari kajiselidik ini diharap akan dapat membantu Jawatankuasa Pandu COVID-19 membuat perancangan yang sempurna dan teratur ke arah pembukaan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di negara ini.

7. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 9 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **8 daripadanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.
  
8. Patuhi garispanduan-garispanduan semasa Fasa Endemik bagi keselamatan dan kesejahteraan kita semua. Semoga segala usaha yang telah dilaksanakan akan mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 10 Jamadilawal 1443H / 15 Disember 2021